

03 JUL 1998

PM PEKERJA

PM GESA KAKITANGAN KERAJAAN BEKERJA KERAS

KUALA LUMPUR, 3 Julai -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta kakitangan perkhidmatan awam bekerja lebih kuat dan membantu negara mengelak meminjam daripada Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) yang mengenakan syarat-syarat tertentu.

Perdana Menteri berkata dengan bekerja lebih keras mereka dapat menyegerakan urusan meluluskan permohonan sektor swasta dan ini dapat mengelakkan sektor itu daripada terus mengalami lebih banyak kerugian.

Dalam keadaan sekarang anggota perkhidmatan awam perlu bekerja lebih kuat dan mengurangkan karenah birokrasi bagi membantu memulihkan ekonomi negara, katanya di majlis penyampaian anugerah perkhidmatan cemerlang kepada kakitangan Jabatan Perdana Menteri di sini hari ini.

Dr Mahathir juga berkata pendekatan IMF untuk memulihkan ekonomi termasuklah memotong gaji, mengurangkan bilangan pekerja, menutup syarikat-syarikat yang dilanda masalah serta jabatan-jabatan kerajaan yang dianggapnya tidak berapa berguna.

Bagi IMF, kepentingan para pekerja tidaklah sepenting memulihkan ekonomi negara.

Beliau berkata Indonesia hari ini mempunyai seramai 24 juta penduduk yang menganggur, bilangan yang melebihi jumlah penduduk Malaysia.

Pendapatan serta kuasa membeli rakyat Indonesia juga menurun, tambahnya.

Perdana Menteri berkata Malaysia bertuah kerana belum mencapai tahap itu lagi.

Bagaimanapun, beliau mengingatkan bahawa keadaan Malaysia mungkin mencapai ke tahap sedemikian sekiranya rakyat Malaysia tidak berusaha lebih keras untuk membantu negara keluar daripada kegawatan ekonomi semasa.

-- BERNAMA

AD MA